



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

## SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN “KONGSI MERIAH” SEMPENA  
SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA 2024**

**1 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)  
10.00 PAGI**

**MYDIN USJ, SUBANG JAYA, SELANGOR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

## **SALUTASI**

\*disediakan secara berasingan

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur, kita semua dapat berkumpul sama-sama pada hari ini di **Majlis Pelancaran “Kongsi Meriah” sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2024.**
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada rangkaian pemborong dan peruncit halal terbesar tempatan, **Mydin Mohamed Holdings Berhad atau lebih sinonim dengan jenama MYDIN atas penganjuran kempen ini.**
3. Umum sedia maklum bahawa MYDIN merupakan syarikat yang aktif dalam menggerakkan program dan kempen yang amat dekat dengan masyarakat. Kami di Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyambut baik segala **inisiatif murni MYDIN dalam memupuk semangat perpaduan dan merapatkan jurang antara rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini.**

4. Saya juga dimaklumkan bahawa sempena kempen ini, MYDIN telah menganjurkan program menghasilkan **origami naga kertas**. Oleh itu, saya mengucapkan tahniah kepada MYDIN kerana berjaya menerima pengiktirafan **The Malaysia Book of Records atas rekod mengedarkan 100,000 kraf naga mini kertas** melalui kempen ini.
5. Saya amat bangga kerana aktiviti pengedaran dan pemasangan kraf naga mini ini juga turut mendapat **kerjasama kanak-kanak daripada Tadika Perpaduan dari Negeri Selangor**.

### **PELAKSANAAN PROGRAM KOMUNITI RAHMAH**

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Tahun lalu, Kementerian Perpaduan Negara telah berjaya melaksanakan 661 program yang bertujuan untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa melalui tiga kluster utama iaitu Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah.**

7. Enam nilai MADANI menjadi teras kepada pembinaan Komuniti Rahmah dengan **menyuburkan sifat ihsan, jati diri, peduli, kasih sayang, hormat menghormati, meraikan kepelbagaian, toleransi dan penerimaan dalam setiap rakyat Malaysia.**
8. Tujuan utama pelaksanaan Komuniti Rahmah adalah untuk **membentuk komuniti yang harmoni dan bersatu padu dengan memperkasakan khidmat komuniti sebagai tapak integrasi.**
9. Antara aktiviti membina Komuniti Rahmah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negeri menerusi agensi-agensi adalah:
  - Projek Ekonomi Komuniti KRT
  - RT Cares
  - Tuisyen KAMI
  - Program Sayangi Komuniti
  - Gerak Kerja Bantuan Banjir
  - Ziarah Rahmah
  - Dapur Komuniti KRT
  - Program Integrasi Sosial Untuk Komuniti (INSAN)
  - Pembangunan Sudut Ilmu (*Unity Library*)
  - Projek Daya Cipta komuniti RT

10. Justeru, pada tahun ini, **KPN berhasrat menggiatkan lagi usaha untuk melebarkan jaringan kolaborasi strategik di bersama syarikat-syarikat korporat serta swasta dalam negara.** Saya ingin menyeru kepada syarikat-syarikat korporat dan swasta agar **mencontohi inisiatif yang dilaksanakan oleh MYDIN ini dalam memupuk sikap perpaduan dan keharmonian masyarakat negara ini.**
11. Untuk makluman semua, sepanjang Tahun Baharu Cina ini, **Kementerian Perpaduan Negara dan Mydin Prihatin menjalin kerjasama dalam mengenalpasti dan mengagihkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.** **Bantuan sumbangan Bakul Rahmah MYDIN ini melibatkan seramai 500 orang penerima bagi lokasi Selangor, Melaka dan Johor.**
12. Semoga bantuan yang diberikan ini dapat meringankan beban mereka yang memerlukan serta sedikit sebanyak dapat memberi keceriaan bagi meraikan sambutan Tahun Baharu yang bakal menjelang.
13. Harapan saya agar kerjasama antara KPN dan MYDIN ini tidak terhenti di sini. **Saya berharap agar MYDIN akan bersama KPN dalam menjayakan dua inisiatif utama**

iaitu edaran bantuan Bakul Rahmah (RT Cares) dan program Dapur Komuniti di semua negeri pada tahun ini. Pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini adalah bagi meringankan beban kos sara hidup komuniti di Kawasan Rukun Tetangga.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

14. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan **“Selamat Menyambut Tahun Baharu Cina”, Gong Xi Fa Cai, Wan Shi Ru Yi** kepada semua masyarakat Cina di negara ini. Semoga sambutan kali ini disambut dengan penuh kasih sayang, kemeriahinan dan penuh dengan kemakmuran. **Ingat kepelbagaian yang kita miliki ini adalah kekuatan negara ini. (*Unity in Diversity is the ultimate strength*).**
15. Akhir kata, saya dengan ini melancarkan kempen **“Kongsi Meriah”** sempena Sambutan Tahun Baharu Cina.

Sekian, terima kasih.